

# Sikuati dipilih UMS untuk kembangkan FHMS ke daerah pedalaman

DE 14.4.2019 2

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjadikan Sikuati, sebagai nic untuk mengembangkan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatannya (FHMS) ke daerah pedalaman Sabah.

Terletak di Kudat, kira-kira 185km dari utara Kota Kinabalu, Sikuati merupakan sebuah daerah yang majoritinya adalah dari etnik Rungus dan terdiri daripada beberapa buah kampung.

UMS FMHS secara aktif mendekati penduduk kampung di Sikuati dan di sekitar Kudat dengan menjalankan pelbagai program kesihatan. Antaranya ialah Program Perkongsian Keluarga dan Universiti (PuPUK).

PuPUK adalah sebuah program yang diperkenalkan oleh dekan pertama FMHS, Prof Dr Osman Ali, yang memberikan pendidikan kepada pelajar perubatan dan kejururawatan mengenai penduduk-penduduk di Sikuati dari tahun pertama pengajian mereka di UMS sehinggalah mereka tamat belajar.

Para pelajar perlu membuat susulan ke atas kesejahteraan keluarga angkat mereka dan menulis laporan naratif lengkap dan membentangkannya semasa tahun akhir pengajian mereka.

PuPUK adalah sebuah program yang dirumus bagi membolehkan para pelajar

memberikan sumbangan kepada orang awam ke arah kebaikan masyarakat. Baru-baru ini, dijenamakan semula sebagai iPuPUK oleh Dekan FHMS baharu, Prof Dr Mohammad Saffree Jeffree – dengan menambah inovasi ke dalam program tersebut.

Sehingga kini, kira-kira 16 kampung di sekitar Sikuati ikut serta dalam program tersebut. Program-program lain termasuk penyelidikan oleh Penempatan Perubatan Komuniti Tahun 4, pensyarah FMHS dan promosi kesihatan.

Memandangkan Sikuati terletak jauh dari capaian optimum kemudahan perubatan, UMS mewujudkan Pusat Pendidikan Perubatan Desa (RMEC) di Sikuati pada 2009. Ia terletak di tanah seluas 20 ekar yang menempatkan lima hostel dan boleh memuatkan 50 pelajar UMS.

Selain itu, ia mempunyai empat kediaman pensyarah yang dilengkapi dengan keperluan asas. Antara kemudahan yang tersedia di RMEC termasuk sebuah dewan badminton, surau, gelanggang sepak takraw, dan perkhidmatan makmal asas untuk X-ray dan siasatan darah.

Beberapa acara setempat seperti kenduri kahwin dan kejohanan badminton diadakan di RMEC sejak penubuhannya, mempamerkan keyaki-

nan tinggi penduduk setempat terhadap kemudahan UMS tersebut.

Dewan RMEC boleh memuatkan kira-kira 500 orang pada satu-satu masa dan dilengkapi dengan sistem audio visual terkini dan kipas.

RMEC bertindak sebagai pusat untuk penduduk di sekitar Sikuati mendapatkan rawatan dan rawatan susulan untuk pelbagai penyakit secara percuma.

Sejak penubuhannya, RMEC mendapat sokongan penduduk di sekitar Sikuati.

Sudah ramai penduduk mengunjungi RMEC bagi mendapatkan rawatan dan sehingga Mac 2019, sejumlah 4,300 penduduk mendapat manfaat daripada perkhidmatannya. Antara perkhidmatan perubatan yang disediakan oleh RMEC adalah klinik TB dan klinik kesejahteraan masyarakat, yang dijalankan oleh pelbagai pakar daripada FMHS UMS.

Pensyarah juga secara aktif menggunakan RMEC sebagai pusat untuk penyelidikan. Antara penyelidikan yang dibuat ialah malaria, tuberculosis (TB) dan manifestasi cacing kerawit. Beberapa penerbitan mendapat pengiktirafan antarabangsa dan memenangi anugerah berprestij dari 2012 sehingga 2018.

“Hubungan rapat antara FMHS UMS dan Sikuati adalah unik. Kami berharap

penduduk kampung, pegawai Daerah Kesihatan Kudat dan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) akan terus menyokong RMEC dan FMHS UMS bagi membantu menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan kepada masyarakat Kudat dan Sikuati,” kata Prof Dr Mohd Safferee Jefferee.

“Kami merancang untuk menjadikan Sikuati sebagai sebuah pusat sehati hab perubatan dengan menggunakan RMEC sebagai platform kami, yang akan dijadikan sebagai pusat penyelidikan, kesejahteraan dan kecemerlangan akademik. Dengan pewujudan iPuPUK (inovatif PuPUK), penduduk kampung akan mempunyai akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan yang banyak.

“Mereka boleh berkomunikasi dengan mudah bersama anak angkat mereka di UMS, yang mana akan memberikan mereka penjagaan yang baik,” tambah Safferee.

Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UMS, sebelum ini dikenali sebagai Sekolah Perubatan, ditubuhkan pada 2003 dengani 32 pelajar awal.

Ketika ini, ia mempunyai 450 pelajar perubatan dan 156 pelajar kejururawatan dengan pasca graduan dalam bidang sarjana Kesihatan Awam (MPH), Doktor Kesihatan Awam (DrPH) dan phD.